

08/06/1997

Isu kefakiran selesai menjelang 2000

KUALA LUMPUR: Isu kefakiran dapat ditangani sepenuhnya menjelang tahun 2000 melalui prinsip keadilan sosial dan pendemokrasian ekonomi yang menjadi teras pembangunan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pemangku Perdana Menteri berkata, kemajuan akan menjadi tempang jika masih ada golongan yang tercicir dan tersisih daripada arus pembangunan.

"Prinsip keadilan sosial dan pendemokrasian ekonomi akan terus diperhebatkan melewati setiap desa dan kelompok masyarakat termasuk yang daif, cacat, wanita dan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, setiap individu dalam masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan budaya mestilah sama-sama menikmati hasil pembangunan.

Falsafah pembangunan negara yang termaktub dalam Wawasan 2020 menjadi wadah perjuangan untuk melahirkan sebuah negara yang maju dalam segala aspek, katanya ketika menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia dalam majlis menghadap dan istiadat pengurusan darjah kebesaran sempena Ulang Tahun Hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam.

Anwar berkata, selain menekankan kemajuan ekonomi dan teknologi, kerajaan juga mengutamakan kemajuan kerohanian, kejiwaan, sosial dan politik.

"Kita mahu mencipta kemajuan mengikut acuan sendiri dan menikmati kehidupan lebih baik tetapi pada masa yang sama tidak melupai agama, nilai dan budaya yang menjadi tunjang kekuatan kita," katanya.

Anwar berkata, benteng pertahanan yang kebal perlu dibina dalam jiwa setiap rakyat bagi menghadapi pelbagai dugaan dan gejala sosial yang datang bersama era pembangunan.

"Kita tidak menghadapi masalah pengangguran sebaliknya menghadapi masalah kekurangan pekerja untuk memenuhi pelbagai sektor pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, kestabilan politik hasil pimpinan Barisan Nasional terus merangsang pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mapan.

Negara mengekalkan kadar pertumbuhan lebih lapan peratus sejak lapan tahun lalu manakala kadar inflasi adalah rendah pada paras tiga peratus.

"Dengan adanya kestabilan politik yang disokong oleh kepemimpinan berwawasan dan rakyat yang progresif, kita yakin Malaysia akan terus mara dengan lebih tangkas dan berani mencipta pelbagai kejayaan pada masa depan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kita sentiasa insaf bahawa mempertahankan kejayaan lebih sukar daripada menciptanya. Oleh itu, setiap individu di sektor awam dan swasta mestilah sedar bahawa kita mempunyai tugas dan tanggungjawab memacu pembangunan negara supaya lebih mapan dan berdaya saing.

Justeru, semua kekuatan yang kita miliki, termasuk kestabilan politik, perpaduan kaum mestilah dipertahankan dan dipertaruhkan kepada generasi akan datang.

"Kita mesti sedar cabaran mendatang dalam era kesejagatan memerlukan kepekaan dan kekuatan yang lebih jitu untuk mengekalkan kejayaan yang dicapai hari ini," katanya.

Beliau berkata bagi memastikan sektor swasta menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi, kerajaan akan terus menyediakan pelbagai galakan dan sokongan.

Sehubungan itu, kerajaan berharap sektor swasta tidak bersikap tangkai

jering untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka.

"Kesatuan sekerja juga mestilah terus mengekalkan hubungan perindustrian yang harmonis dengan menyelesaikan masalah melalui rundingan dan permuafakatan," katanya.

Beliau berkata, dasar kerajaan yang pragmatik bukan saja membantu pembangunan ekonomi negara, malah turut menjamin keadilan sosial.

Langkah ini akan diperhebat oleh kerajaan, termasuk melalui projek penswastaaan dan sumbangan sektor swasta.

Di samping itu, katanya, kerajaan akan meningkatkan usaha melahirkan usahawan dan masyarakat perdagangan, terutama di kalangan Bumiputera.

Mengenai arena antarabangsa, Anwar berkata, Malaysia terus mendapat perhatian dunia dengan pelbagai penghormatan dianugerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)